

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 14 June, 2020 2:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-Kerajaan Negeri Kedah Bincang Hala Tuju Pendidikan Demi Pembangunan Bersama



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2020 / 22 SYAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

UUM-KERAJAAN NEGERI KEDAH BINCANG HALA TUJU PENDIDIKAN DEMI PEMBANGUNAN BERSAMA



UUM ONLINE: UUM telah menerima lawatan kerja Ahli Mesyuarat Kerajaan negeri Kedah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Inovasi, Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail di Bilik Mesyuarat Senat, baru-baru ini.

Kedatangan beliau disambut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Foyer Canselori, seterusnya beliau dibawa melawat Galeri UUM sebelum meneruskan sesi taklimat dan perbincangan berkaitan pembangunan negeri Kedah khususnya melibatkan institusi pengajian tinggi.

Dalam pertemuan kira-kira tiga jam itu, Naib Canselor telah membentangkan perkembangan dan pencapaian terkini UUM yang diakui Dato' Wira Dr. Ku Rahman sebagai *'Fantastic!'*

Exco Kanan Kerajaan Negeri Kedah itu juga berasa kagum dan bangga apabila Naib Canselor memaklumkan tentang kedudukan terkini UUM dalam QS World University Rankings yang meningkat setiap tahun.

“Universiti merupakan gedung ilmu dan universiti sangat dekat dengan jiwa saya kerana minat dalam bidang ilmu, selain kesukaan membaca bagi mendapatkan pengetahuan baru.

“Sebagai sebuah universiti awam utama di utara tanah air, Kerajaan Negeri Kedah amat berharap agar kedua pihak dapat bekerjasama dan mengetahui hala tuju masing-masing demi membangunkan negeri ini, seterusnya institusi pendidikan,” katanya.

Tambah beliau, dengan kepakaran dimiliki UUM diharap dapat menggantikan konsultan luar dalam membantu pihak kerajaan dalam membangunkan Negeri Kedah.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, beliau juga berharap UUM dapat mengadakan kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Kedah.

Menurutnya, beliau dengan harapan agar kerajaan negeri dapat membantu UUM dari aspek dana supaya ahli akademik di universiti ini dapat menjalankan aktiviti penyelidikan dan program yang akan memanfaatkan negeri Kedah dan rakyat.

“UUM bukan sekadar mengeluarkan graduan yang berjaya tetapi juga sentiasa bersedia membantu kerajaan negeri Kedah untuk maju ke hadapan,” katanya.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor bersama Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari dan Penolong Naib Canselor UUM CAS turut membentangkan tentang perancangan menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Naib Canselor berkata, UUM kini sedang berusaha untuk menubuhkan Pusat STEM tersebut bagi menyebarkan pengetahuan dalam bidang berkenaan kepada semua peringkat terutamanya akar umbi seperti yang disarankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah dalam titah baginda yang diedarkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah bersempena Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Ke-14 pada April lalu.

Katanya, UUM berhasrat untuk menzahirkan harapan Tuanku Sultan yang menginginkan kerajaan negeri dan UUM menetapkan hala tuju pendidikan negeri dengan memperkasakan bidang tersebut.



 Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.